

بریتا فریدانن کما جوان اقتصاد نگزی گلینن

PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



NASKHAH PERCUMA

BIL 1 / JANUARI-MAC 2011

PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

www.pkink.gov.my

- 4** PKINK Terima Kunjungan 5S
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
- 5** Ketua Eksekutif Turun Padang
Lawat Syarikat Kumpulan
- 10** Kemakmuran Serantau Melalui
Perdagangan dan Pelaburan Bahagian II
- 17** PKINK Anjur Program Transformasi
Ekonomi Bersama DPMM Kelantan
- 24** Kebajikan dan Maksiat Tidak
Akan Bersatu Dalam Hati



- 6** Kementerian Kewangan
Lawat Projek RMK9



Medan Ikan Bakar Mulakan Operasi

ms 7



SIDANG EDITOR

PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah
Ketua Eksekutif



Selembar Amanat

Dari meja Ketua Editor

KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain
Penolong Pengurus Pengurusan Sumber Manusia

WARTAWAN / JURUGAMBAR

A. Ubaidillah Alias
Tengku Petra Tengku Wook
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh
Pn. Zakiah bt. Mohamed
Pn. Hawa bt. M.Salleh
Ramlie b. Hamzah

PENGEDARAN

Tuan Hissam Tuan Mamat

PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat
Bahagian Pengurusan Sumber
Manusia

Perbadanan Kemajuan Iktisad
Negeri Kelantan

Tingkat 8-11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani,
15710 Kota Bharu,
Kelantan

Tel: 09-7414141
Fax: 09-7414069

PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

Alhamdulillah, bersyukur atas pertemuan buat kesekian kalinya. Seperti biasa, PKINK mempertingkatkan usaha memacu pembangunan ekonomi negeri Kelantan dengan sikap konsistensi. Demi memastikan seluruh anggota PKINK bergerak sejajar maka program pengukuhan ukhuwwah perlu diperkasakan. Ini amat penting bagi mengekalkan momentum sebuah keluarga besar yang mempunyai ribuan anggota di dalamnya.

Justeru itu, kita telah mengadakan program Hari Mahabbah yang berslogan ‘Kasih Sayang Pemangkin Kemantapan Kerjaya’ untuk seluruh anggota. Terbukti, sambutan yang diterima amat memberangsangkan. Malah kali ini kita memperolehi sumbangan dan tajaan daripada ramai pihak serta mampu mengadakan aktiviti yang berbeza daripada sebelumnya. Kita juga melihat, sambutan dalam penganjuran sukan menerusi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK mendapat sambutan yang menggalakkan berbanding tahun sebelumnya. Saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan aktiviti tersebut.

Ini merupakan signifikan yang jelas bahawa pihak anggota PKINK berada dalam kondisi bersemangat dan bermotivasi tinggi. Ia secara langsung mencerminkan potensi besar dalam pembangunan projek negeri Kelantan Serambi Mekah. Lihatlah pergerakan anggota secara keseluruhan, pelbagai aktiviti yang mampu kita cetuskan sepanjang beberapa bulan ini.

Selain daripada itu, kita juga menerima kunjungan daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan ke tapak projek Medan Ikan Bakar. PKINK juga sedang membangunkan projek Taman Halal Mukim Apam di jajahan Pasir Mas. Selain daripada itu, masih banyak lagi projek besar yang sedang dirancang dan akan dimulakan dalam masa terdekat. Ini menunjukkan betapa negeri Kelantan sedang membangun dari masa ke semasa.

Oleh yang demikian, pihak pengurusan PKINK berharap agar seluruh anggota memahami halatuju pembangunan ini secara dasar. Ianya bukan semata-mata bertujuan mencari keuntungan dunia ni, tetapi ke arah melahirkan usahawan yang beriman dan beramal soleh. Atas sebab itu, kita sentiasa giat merangka program yang bersesuaian dengan permasalahan anggota. Sama ada dari aspek fizikal maupun spiritual.

Besarlah harapan agar legasi yang kita bina bertahun-tahun ini mampu direalisasikan dengan kesungguhan semua pihak. Mudah-mudahan ia akan memberikan kebaikan kepada penduduk di Negeri Kelantan. 

Sekian, terima kasih.

HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH

*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia
PKINK*



SE P I N T A S L A L U



- | | |
|--|---|
| 2 Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor | 18 Taklimat Pengurusan Aset Alih Kerajaan |
| 4 Ar-Rahn Melebarkan Operasi ke Jeli | 18 Taklimat Kesihatan Bersama Eoncap Islamic Bank dan MAKNA |
| 4 PKINK Terima Kunjungan 5S Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang | 19 Pemilihan Wakil MBJ Sesi 2011/2012 |
| 5 Ketua Eksekutif Turun Padang Lawat Syarikat Kumpulan | 19 Majlis Persaraan Anggota PKINK |
| 6 Kementerian Kewangan Lawat Projek RMK9 | 20 PKINK Adakan Kursus Cuti dan Tatatertib |
| 7 Medan Ikan Bakar Mulakan Operasi Perniagaan | 20 Anggota Kumpulan PKINK Hadir Kursus CPR dan Pertolongan Cemas |
| 8 Majlis Makan Malam Sempena Lawatan KSP | 21 Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kumpulan PKINK |
| 9 Hari Mahabbah Kumpulan PKINK Meriah | 22 Program Kesihatan Untuk Anggota PKINK Diteruskan |
| 10 Kemakmuran Serantau Melalui Perdagangan dan Pelaburan Oleh Dr Surin Pitsuwan – Bahagian II | 22 Pasukan DUN Kelantan Unggul |
| 14 Berita Bergambar | 23 Kejohanan Kerom Perpisahan |
| 16 Projek Pembangunan Taman Halal Mukim Apam Berjalan Lancar | 23 Kejohanan Sukan KSK PKINK |
| 17 PKINK Anjur Program Transformasi Ekonomi Bersama DPMM Kelantan | 24 Kebajikan dan Maksiat Tidak Akan Bersatu Dalam Hati |
| 17 Seminar Kesedaran Technopreneur 2011 | 26 Serulah Manusia Bersolat |
| | 28 Iklan Medan Ikan Bakar |





Ar-Rahn Melebarkan Operasi ke Jeli

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

JELI : Komitmen Kerajaan Kelantan dalam merealisasikan konsep Membangun Bersama Islam melalui pelbagai dasar pembaharuan ekonomi dan pentadbiran kewangan seperti memindahkan akaun kewangan negeri ke Bank Islam dan menubuhkan Sistem Pajak Gadai Islam telah menunjukkan kejayaan yang amat memberangsangkan. Pembukaan outlet Pajak Gadai Islam ke seluruh negeri Kelantan adalah antara usaha yang telah dilaksanakan sejak tahun 1992.

Sistem Pajak Gadai Islam yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kini sudah mempunyai 25 cawangan di Kelantan dan beberapa buah di negeri lain termasuk yang terbaru di Bandar Jeli, Kelantan yang telah pun beroperasi pada Oktober tahun lalu.

Pembukaan cawangan baru itu dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 27 April nanti.



PKINK Terima Kunjungan 5S Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU : Timbalan Ketua Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP), Pn Khalijah bt Abd Malek bersama 40 anggotanya telah melakukan lawatan 5S ke Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) pada 6 Mac lalu.

Lawatan 5S tersebut bertujuan bagi mendapatkan pengetahuan tentang aspek-aspek pentadbiran dan pengurusan berkaitan perlaksanaan amalan persekitaran berkualiti 5S serta kaedah yang dijalankan oleh PKINK untuk diaplikasikan.



Taklimat mengenai pelaksanaan 5S PKINK telah disampaikan oleh Pengurus Bahagian Perancangan Korporat, Puan Nik Farzimar Nik Omar.

Taklimat tersebut turut menyentuh beberapa perkara yang dipraktik dan diamalkan oleh PKINK dalam menjayakan program 5S antaranya ialah kerjasama di kalangan anggota di semua peringkat serta toleransi dan kerjasama erat antara anggota bawahan dan pihak pengurusan.

Sepanjang lawatan 5S itu, rombongan juga telah dibawa melawat ke beberapa bahagian antaranya Bahagian Pengurusan

Sumber Manusia, Bahagian Pembangunan Usahawan dan Bahagian Sistem Pengurusan Maklumat bagi mendapat maklumat secara terperinci dan pembelajaran yang lebih praktikal.

Lawatan PKNP ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan di antara dua Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri serta meneroka kerjasama lain pada masa-masa akan datang. Ianya juga diharap dapat membantu PKNP dalam menjaya dan memantapkan amalan pengurusan 5S di PKNP itu nanti.



Ketua Eksekutif Turun Padang Lawat Syarikat Kumpulan

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

JELI : Bagi memastikan kestabilan dan kelancaran operasi Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah telah mengadakan lawatan sehari ke Ladang Tapis dan Ladang Lubok Bongor di Jeli pada 24 Februari lalu.

Dalam lawatan sehari itu, Haji Sabri telah di beri taklimat mengenai organisasi dan perancangan projek oleh Pengurus Besar Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB), Haji Zazali Japar. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Pengurus Ladang Tapis, Encik Mohd Shukri Che Will dan Pengurus Ladang Lubok Bongor, Encik

Suhaimi Ismail serta pegawai-pegawai KPPB yang lain.

Selain daripada memantau projek-projek yang dilaksanakan, lawatan itu juga bertujuan untuk mengenalpasti peluang-peluang dan potensi projek-berkaitan yang boleh dibangunkan selaras dengan matlamat penubuhan KPPB.

Dengan terlaksananya projek-projek berkenaan, KPPB sebagai entiti pelaksana pembangunan projek perladangan PKINK, telah berjaya memainkan peranannya bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berjalan lancar dan menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan.





Kementerian Kewangan

Lawat Projek RMK9

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Peruntukan Kementerian Kewangan yang diagihkan kepada PKINK di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) ternyata dimanfaatkan apabila projek-projek yang dirancang dan dilaksanakan di negeri Kelantan memperlihatkan perkembangan yang memberansangkan.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek-projek tersebut, satu lawatan kerja telah dilakukan oleh Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, Kementerian Kewangan (SBSWP) YBhg Dato' Noorrrizan Shafie bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan pada 20 Mac

lalu. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan, YBhg Dato' Bukhari Hasan.

Selain daripada memantau projek-projek yang dilaksanakan, lawatan itu

juga bertujuan untuk mengenalpasti peluang-peluang dan potensi projek-berkaitan yang boleh dibangunkan selaras dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian dibawah RMK9.

Antara projek PKINK yang dilawati ialah

Pusat Otomobil dan Pusat Pengeluaran Makanan Halal, Pengkalan Chepa serta projek Terminal Ikan Tok Bali, Pasir Puteh.

Ketibaan rombongan telah disambut oleh Timbalan Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Hj Zainal Ab. Rahim, Pengurus-Pengurus Bahagian dan pegawai-pegawai PKINK.

Menurut YBhg Dato' Noorrrizan, projek-projek yang telah dirancang mempunyai potensi untuk dibangunkan dengan lebih giat lagi apabila dilihat kepada prospek masa depan. Peruntukan yang besar dan pemantapan agensi pelaksana mestilah dilaksanakan dengan lebih agresif bersesuaian dengan projek yang dilaksanakan.

Dengan terlaksananya projek-projek berkenaan, PKINK sebagai agensi pelaksana pembangunan kerajaan, telah berjaya memainkan peranannya bagi memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan berjalan lancar dan menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan.





Medan Ikan Bakar Mulakan Operasi

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU :

Peruntukan Kementerian Kewangan yang diagihkan kepada PKINK dibawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) untuk membina Medan Ikan Bakar (MIB) ternyata tidak sia-sia apabila projek yang dirancang dan dilaksanakan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah pun memulakan operasinya sejak pertengahan Mac lalu.

Bagi meninjau kelancaran operasi MIB tersebut, satu lawatan kerja telah dilakukan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) YBhg Tan Sri Dr Wan Abd Aziz Wan Abdullah bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan pada 18 Mac lalu. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Pengarah Kastam Di Raja Malaysia Negeri Kelantan (KDRM) bersama pegawai-pegawai KDRM.



Kementerian dibawah RMK9.

Ketibaan KSP dan rombongan telah disambut oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Tuan Hj Mohd Sabri Abdulla, Timbalan Ketua Eksekutif

Selain daripada memantau projek yang dilaksanakan, lawatan KSP itu juga bertujuan untuk mengenalpasti peluang-peluang dan potensi projek berkaitan yang boleh dibangunkan selaras dengan peruntukan yang disalurkan oleh

PKINK, En. Zainal Ab. Rahim, Pengurus-pengurus Bahagian serta pegawai-pegawai PKINK.

PKINK bersama KDRM turut meraikan kehadiran KSP dan rombongan dengan mengadakan majlis makan malam di MIB untuk merasai keenakan ikan bakar dan kambing panggang. YBhg Tan Sri KSP turut berpeluang merasai kesegaran udara malam dan suasana persekitaran di MIB yang dipenuhi pengunjung yang turut serta untuk merasai keenakan ikan bakar tersebut.

Dengan siapnya projek MIB ini, iaanya diharap dapat menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan ekonomi di kawasan sekitar Kedai Buluh, Kuala Besar dan kawasan sekitar.





Majlis Makan Malam Sempena Lawatan KSP

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU : Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengadakan Majlis Makan Malam di Perdana Resort sempena lawatan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) YBhg Tan

Sri Dr Wan Abd Aziz Wan Abdullah bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan pada 19 Mac lalu. Majlis itu adalah untuk meraikan rombongan beliau ke negeri Kelantan serta menghargai

sumbangan Kementerian Kewangan dalam menyalurkan peruntukan untuk menjayakan projek di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK9) bagi negeri Kelantan.

Turut serta pada majlis tersebut ialah Setiausaha Bahagian Dasar Saran, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan (BSWP) dan Timbalan Setiausaha BSWP serta Pengarah Kastam Di Raja Malaysia Negeri Kelantan (KDRM) bersama pegawai-pegawai KDRM.

Ketibaan KSP dan rombongan telah disambut oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Hj Mohd Sabri Abdullah, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK, En. Zainal Ab. Rahim, Pengurus-pengurus Bahagian, Pegawai-pegawai PKINK dan Pengurus-pengurus syarikat kumpulan PKINK.

Selain daripada memantau projek-projek yang dilaksanakan, lawatan KSP itu juga bertujuan untuk mengenalpasti peluang-peluang dan potensi projek-projek berkaitan yang boleh dibangunkan selaras dengan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian dibawah RMK9.





Hari Mahabbah Kumpulan PKINK Meriah

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Kira-kira 1500 anggota kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan ahli keluarga masing-masing memeriahkan Hari Mahabbah Kumpulan PKINK 2011 di Perdana Resort di sini pada 19 Mac lalu.

Acara yang bermula jam 8.15 pagi itu menampilkan pelbagai aktiviti menarik seperti sukaneka, pertandingan mewarna, pertandingan memancing dan lain-lain acara termasuk gerai jualan penaja, menaiki kereta kuda dan menunggang kuda, permainan selain persempahan badut dan maskot A&W.

Lebih menarik, cabutan bertuah turut menawarkan hadiah menarik seperti barang elektrik, basikal dan hamper selain pakej penginapan dan sebagainya yang ditaja oleh beberapa penaja antaranya Celcom, Digi, Maxis, A&W, F&N dan lain-lain penaja.

Hari Mahabbah Kumpulan PKINK itu turut dimeriahkan dengan acara dewan yang menyaksikan telatah dan karenah anak-anak kecil yang terlibat dengan beberapa pertandingan seperti pertandingan mengaji Al-Quran, pertandingan nasyid, pertandingan azan dan pertandingan pakaian beragam.



Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah yang turut menyempurnakan majlis penyampaian hadiah cabutan bertuah dan hadiah kepada pemenang-pemenang setiap acara yang dipertandingkan.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah ketika menyampaikan ucapan berkata, program tersebut bertujuan mengerakkan silaturrahim kakitangan dan ahli keluarga, menyemarakkan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di samping mewujudkan persefahaman dan semangat kerja berpasukan di kalangan anggota kumpulan PKINK sekaligus dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

Anggota dan pihak terlibat yang hadir juga dirai dengan jamuan tengahari serta diberi cenderahati sebagai tanda penghargaan PKINK di atas sokongan Hari Mahabbah Kumpulan PKINK ini.



Bahagian II



Kemakmuran Serantau Melalui Perdagangan dan Pelaburan

Oleh Dr Surin Pitsuwan

Satu pasaran untuk ASEAN adalah keperluan, bukan pilihan. Satu asas pengeluaran untuk ASEAN adalah keperluan, bukan pilihan. Dan kita perlu mempunya daya saing. Kita tidak lagi boleh berniaga dengan cara lama, dengan cara biasa. Kita tidak lagi boleh mengharapkan perlindungan dari kerajaan kita selamanya. Kita mesti mampu untuk menjadi terbuka dan bersaing dan terus hidup. Dan itulah yang ASEAN sedang lakukan, menyediakan satu pasaran, satu asas pengeluaran. Berdayasaing, bersaing dan terus kekal. Dan kita ingin menentukan bahawa lanskap kita adalah samarata dan adil. Dan itulah kesan dan hasil dari pembangunan kita. Mungkin rakyat Kelantan tidak berpendapat sedemikian. Hasil dari pembangunan mesti dirasai samarata merentasi negara-negara kita. Samarata. Barulah ASEAN akan dapat berintegrasi dengan komuniti global. Dan terus hidup.





Saya katakan kita sedang berada dalam keadaan cantik di rantau ini. Kenapa kita dalam kedudukan cantik? Kerana kita mendapat manfaat dari dinamisma di India. Kerana kita berdagang, kita menghantar alat ganti, kita menghantar alatganti kenderaan, alatganti komputer. Kita berada di atas laluan penghantaran kepada kilang-kilang di India. Kita berada di atas laluan penghantaran kepada kilang-kilang di China. Prinsip pengoperasian kita adalah, apabila India membangun,kita membangun bersama. Apabila China membangun, dan China sedang membangun, ASEAN membangun bersama. Sebab utama kita berada dalam kedudukan cantik ini ialah kita berada dalam perjalanan ini sudah selama 4 dekad. Mempersiapkan diri kita.

Bayangkan sekiranya orang Jepun, Taiwan, Australia, Amerika, Eropah tidak menjelak kaki ke sini, 4 atau 5 dekad yang lalu selepas kemerdekaan kita, selepas pembentukan ASEAN. Adakah kita akan mendapat manfaat dari sinergi yang sedang berlaku di sekeliling kita sekarang? Kita akan menjadi seperti Afrika Barat, kita akan menjadi seperti Afrika Timur, pada tahap pembangunan yang masih rendah.

Tetapi disebabkan kita telah membuka rantau kita, sempadan kita, ekonomi kita dari mula. Rakyat Jepun, sila datang. Pelabur Taiwan, sila datang. Pelabur Australia, sila datang. Pelabur EU, sila datang. Pelabur Amerika, sila datang. Kita mengamalkan apa yang kita panggil Rantau Terbuka. Kita bekerja sesama sendiri tetapi kita membuka rantau ini untuk seluruh dunia. Sebab itu kita sekarang ini berpendapatan pertengahan. Dan sebab itu kita berada pada tahap pembangunan di mana kita boleh mendapat manfaat dari pertumbuhan China, dari pertumbuhan India dan dari pertumbuhan seluruh dunia.

Saya rasa anda mempunyai semua bahan-bahan asas di Kelantan. Anda mempunyai semua keupayaan di Kota Bharu. Anda mempunyai semua bahan dan



Kita perlu membentuk suatu prosedur yang berkesan supaya barang-barang, barang mudah rosak atau tidak dan orang dan perkhidmatan boleh bergerak dengan licin, boleh diperolehi, boleh memasuki, dan itulah apa yang kita namakan Plan Induk Penyambungan ASEAN (ASEAN Connectivity Masterplan)

semua susun sesuai. Mungkin apa yang anda perlukan adalah seorang arkitek. Apa yang anda perlukan ialah plan induk. Untuk melihat kepada semua keupayaan ini, untuk melihat kepada semua kepingan susun suai ini, semua peluang-peluang di seluruh rantau ini. Dan melihat bagaimana untuk mendapat manfaat dari keadaan dan persekitaran yang boleh menguntungkan ini, yang berlegar-legar di sekeliling anda.

ASEAN kini bercakap tentang penyambungan (konektiviti). Sebab kita telah dapati, sekiranya kita hendak menghantar sesuatu dari Hadyai ke, katakan Melaka, kosnya lebih mahal dari menghantar sesuatu dari Bangkok ke Yokohama. Kenapa? Infrastruktur fizikalnya ada, jalanraya ada, jalan keretapi ada. Tetapi kastam, imigresen, piawai. Kita perlu membentuk suatu prosedur yang berkesan supaya barang-barang, barang mudah rosak atau tidak dan orang dan

perkhidmatan boleh bergerak dengan licin, boleh diperolehi, boleh memasuki, dan itulah apa yang kita namakan Plan Induk Penyambungan ASEAN (ASEAN Connectivity Masterplan).

Infrastruktur fizikal, ya, kita mesti bina. Infrastruktur institusional, ya, kita perlu lakukan dan sediakan dengan lebih lagi. Institusional bermaksud, norma yang sama, bermaksud satu borang untuk melintasi Thailand untuk pergi ke Indonesia. Satu borang sudah mencukupi dan borang itu mesti berada di skrin komputer. Tidak perlu membawa sebarang dokumen. Apabila anda meninggalkan Golok, atau anda meninggalkan Padang Besar ke Malaysia, semuanya ada di skrin. Apa barangan di dalam, di mana barang itu dinilai, di mana barang itu diperiksa, di mana ia diluluskan. Barang itu tidak perlu dibuka lagi apabila memasuki Malaysia kerana kita telah membentuk kepercayaan di antara kita, di kalangan kita.



Merentasi tambak ke Singapura, sama juga. Semuanya pada skrin. Tekan satu butang dan anda akan tahu apa di dalam kontener. Jika anda tidak yakin, anda boleh melakukan pemeriksaan sampel, tapi tak perlu untuk memeriksa kesemuanya. Kita telah mengkaji, satu trak penuh alatganti kenderaan dari Bangkok ke Hanoi akan mengambil masa 72 jam. Jaraknya adalah kurang dari 400 km. Kita juga telah mengkaji, jika prosedur kastam diselaraskan, jika proses perkhidmatan imigresen di antara Thailand dan Laos dan Vietnam dijadikan lebih efektif, masa perjalanan boleh dikurangkan sebanyak 40%,

Jadi, anda boleh bayangkan Kilang Jepun di Hanoi, samada Toyota atau Nissan atau Canon, menunggu alatganti dari Thailand. Mereka boleh amalkan apa yang dipanggil, Tepat Pada Masa. Anda juga boleh bayangkan produk siap dari Lembah Sungai Merah di sekitar Hanoi, balik ke Thailand, turun ke Malaysia, turun ke Indonesia, atau diekspot ke pasaran Barat, penghantarannya Tepat Pada Masa. Semuanya kerana kita telah menambahbaikkan komunikasi kita, pengurusan kita, kastam kita, prosedur kita, imigresen kita. Itu yang ASEAN sedang usahakan. Biar ASEAN yang uruskan hal itu.

Di sini, di Kota Bharu, di Kelantan, persiapkan diri anda untuk mendapat manfaat dari kesemua perjanjian yang

sedang diusahakan itu. Apa yang anda perlu risaukan ialah, jika ASEAN telah berjaya membentuk Jendela Tunggal (*Single Window*) ini, mereka namakan ia Jendela Tunggal, jendela pada skrin untuk prosedur kastam. Apabila kesemua prosedur dan sistem tersebut berada pada kedudukannya, apa yang anda patut risau ialah, anda masih belum bersedia untuk manfaati dari kesemua itu.

Saya berada di Jakarta, bersama dengan mereka dari Unilever, peruncit dari United Kingdom, global. Proctor and Gamble, peruncit dari Amerika Syarikat, global. Mereka itu berkata, kami mendapat manfaat dari Perjanjian Dagangan Bebas anda Tuan Setiausaha Agong. Kami membeli dengan lebih banyak, kami menjual dengan lebih banyak di antara kamu, di kalangan kamu. Kami mengekspot lebih banyak kepada pasaran kamu, kesemua kamu. Dan saya memerhati ke sekililing dan bertanya, di manakah peruncit dari ASEAN? Kita tiada dalam gambar. Kita tidak ada dalam skrin. Apa yang ASEAN risaukan, apa yang anda patut risaukan ialah, kesemua pengawalan, peraturan, prosedur, proses akan dibentuk di kalangan kita, di antara kita. Tetapi komuniti gobal dan pasaran global yang akan mendapat manfaat. Kita tidak boleh menghalang mereka.

Apa yang mereka perlu lakukan ialah daftarkan syarikat mereka sebagai syarikat Malaysia, dan mereka telah melakukannya. Dan mereka katakan yang mereka akan ekspot ubat gigi dari Thailand ke Indonesia. Apa yang boleh kita lakukan? Ini adalah pasaran terbuka. Ini adalah satu pasaran.

Di sini, di Kota Bharu, di Kelantan, persiapkan diri anda untuk mendapat manfaat dari kesemua perjanjian yang sedang diusahakan itu. Apa yang anda perlu risaukan ialah, jika ASEAN telah berjaya membentuk Jendela Tunggal (*Single Window*) ini, mereka namakan ia Jendela Tunggal, jendela pada skrin untuk prosedur kastam. Apabila kesemua prosedur dan sistem tersebut berada pada kedudukannya, apa yang anda patut risau ialah, anda masih belum bersedia untuk manfaati dari kesemua itu.

Ini adalah Perjanjian Dagangan Bebas. Kita lakukan ini untuk rakyat ASEAN. Kita lakukan ini untuk 1.4 juta rakyat Kelantan juga. Tetapi jika anda tidak bersungguh-sungguh dalam mencari peluang, IKS anda ke Sumatera, IKS anda ke Thailand, IKS anda ke Vietnam dan Filipina, orang lain akan mengisi kekosongan itu, orang lain





yang akan mendapat manfaat dari lanskap yang telah disamaratakan untuk kesemua orang. Kerana anda tidak menuntutnya, orang lain yang akan mendapat jalan mudah untuk memperolehi keuntungan maksima dari lanskap yang telah disamaratakan untuk semua orang, terutamanya 592 juta penduduk ASEAN.

Saya akan tinggalkan anda dengan nota ini. Bahawa ASEAN sedang mengorak langkah, ASEAN sedang bergerak, lanskap sedang disamaratakan, sempadan diruntuhkan, pasaran sedang berkembang, kuasa membeli sedang meningkat. Dan dengan penyambungan kita, melalui Perjanjian Dagangan Bebas, dengan China, dengan India, dengan Jepun, dengan Australia, dengan New Zealand, dengan Korea, 6 di Asia Pasifik. Tahun hadapan, AS dan Rusia akan datang untuk berbincang dengan kita. Pasaran yang semakin berkembang sedang menunggu produk anda dan perkhidmatan anda. Dan adalah lebih baik untuk anda mempersiapsediakan kepintaran anda, kreativiti anda, penyambungan anda

yang sudah sedia ada, untuk mendapat manfaat dari lanskap ASEAN yang baru.

Saya datang dari satu tradisi, iaitu setiap Jumaat, anda mendengar khutbah. Setiap Jumaat anda akan dengar Surah Jumaat. Setiap Jumaat anda akan dengar ayat-ayat berikut mengatakan “ Selepas solat, bertebaranlah kamu ke muka bumi mencari rahmat Allah”

Selepas solat Jumaat, bertebaranlah di muka bumi,mencari rahmat Allah, rezeki dan ‘Fadlullah’ dari Allah SWT. Persoalannya sekarang, apakah peralatan yang diperlukan untuk mengeluarkan ‘Fadlullah’ itu. Keadaan menjadi semakin sukar. Pada masa silam, datuk nenek saya di Selatan Thailand akan menggunakan alat pertanian, pisau panjang-parang dan pencakar dan mereka akan ke bendang dan mereka akan panjat pokok-pokok. Dan mereka akan kembali dengan buah-buahan dan padi.

Tanah sekarang ini semakin mengecil. Bilangan penduduk bertambah. Peralatan perlu datang dari minda. Peralatan perlu datang dari latihan. Peralatan perlu

datang dari pendidikan. 7,000 kilometer persegi di lautan menghadap Kelantan, di mana Thailand dan Malaysia mempunyai Kawasan Pembangunan Bersama. Saya bertanya orang-orang saya di selatan Thailand, adakah kita mempunyai peralatan untuk mendapatkan gas asli 300- 500 meter di dasar laut jika kita tidak dilatih dalam kejuruteraan petroleum, dalam kejuruteraan petroleum marin. Bukan lagi pencakar ke bendang, bukan lagi menggunakan parang untuk memanjat pokok dokong dan mencantas pokok pisang. Bukan lagi begitu. Latihan sains dan teknologi akan menjadi peralatan zaman baru.

Keluارlah dan cari ‘Fadlullah’. Kedua-dua belah tangan tidak lagi mencukupi. Kedua-dua biji mata tidak lagi mencukupi. Kita perlukan sains, kita perlukan pendidikan dan kita perlukan teknologi. Itulah cabaran besar untuk kami dan untuk anda semua. Dan saya tahu anda semua bertekad untuk menghadapi cabaran ini.

Kepada sahabat-sahabat kita dari China, terima kasih kerana datang. Kehadiran anda semua di sini adalah testimoni kepada persahabatan anda, perasaan muhibbah dan ASEAN menganggap China sebagai rakan kongsi penting sebab China sekarang ini adalah kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia. Dan China sekarang membeli semua barang dari seluruh dunia. Dan China sekarang ingin keluar dan melihat ke mana sahaja di dunia ini termasuk ke sini. Bersedia dan raikanlah mereka kerana mereka datang untuk tujuan baik bagi kemakmuran bersama rantau ini.

Terima kasih. Thank you very much. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.





Majlis Makan Malam Sempena Lawatan KSP



Lawatan Kementerian Kewangan ke Projek RMK9





Hari Mahabbah Kumpulan PKINK



Lawatan 5S PKNP ke PKINK





Projek Pembangunan Taman Halal Mukim Apam Berjalan Lancar

PROJEK pembangunan Taman Perindustrian Makanan Halal di Mukim Apam Pasir Mas berjalan lancar apabila kerja-kerja awal melibatkan penambunan tanah dan kerja-kerja berkaitan telah dimulakan sejak beberapa bulan lalu.

Projek tersebut melibatkan kawasan seluas 108.5 ekar terletak di Mukim Apam Pasir Mas, dilaluan utama jalanraya antara Pasir Mas dan Rantau Panjang. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah diberi peranan penting untuk membangunkan Halal Park di kawasan berkenaan dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

Antara tujuan program pembangunan Halal Park ini adalah untuk memberi peluang kepada pengusaha dan pengeluar Bumiputra, khususnya rakyat tempatan, meningkatkan pengeluaran mereka serta membina jaringan dan rangkaian perniagaan bagi membolehkan produk-produk yang dihasilkan kelak adalah lebih kompetitif di pasaran dan di terima oleh pengguna di dalam dan luar negara.



Pada peringkat awal, Taman Halal ini akan tertumpu kepada pembuatan dan pemasaran produk makanan halal. Taman Halal ini akan mengandungi kemudahan-kemudahan seperti kompleks pameran & jualan, pusat pembungkusan & pembungkusan semula, pusat pengumpulan produk, pusat pentadbiran, pusat pengawalan & penguatkuasaan, pusat ekspo & konvensyen, lot-lot kilang dan juga lain-lain premis niaga. Taman Halal ini nanti akan menepati tahap

piawaian dengan adanya persijilan halal, GMP dan HACCP.

Kos pembangunan Taman Halal Pasir Mas ini pada keseluruhan adalah berjumlah RM63.16 Juta. Kerja-kerja tanah dan penyediaan tapak untuk Fasa 1 (di PT9942 milik PKINK) telahpun dimulakan oleh ECERDC sejak bulan November 2010. Adalah dijangkakan pembangunan Taman Halal oleh PKINK/ECERDC ini akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2013.





PKINK Anjur Program Transformasi Ekonomi Bersama DPMM

Oleh : Bahagian Usahawan

KOTA BHARU : Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bersama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan (DPMMNK) berjaya mengadakan Program Transformasi Ekonomi Melayu (ETP) untuk kepentingan ekonomi umat melayu.

Program yang mensasarkan penyertaan yang terdiri daripada Pengurus-pengurus Bahagian PKINK, golongan usahawan, ahli korporat, pelajar IPT tempatan dan Persatuan Peniaga, Pemborong dan


Peruncit.

Tujuan Makmal Sosio Ekonomi Melayu adalah bagi menjana program penglibatan aktif bangsa melayu dalam program ETP.

DPMM dipertanggungjawab untuk menyediakan kerangka dan mengatur program bagi memanfaatkan bangsa melayu dalam program ETP. DPMM juga sedang berusaha untuk mengumpul maklumat dan pandangan bagi menyediakan kerangka dan program untuk dimajukan kepada pihak kerajaan bagi dilaksanakan agar bangsa

Melayu tidak ketinggalan dalam mendapat peluang dan kemudahan yang telah diluluskan sebagaimana yang terkandung dalam program ETP.

Kertas program telah dibentang oleh Ahli MED DPMM, Dato' Dr. Mohd Noor Ali Akhbar manakala moderator adalah Tuan Haji Hanafi Yusoff wakil DPMMNK.



Seminar Kesedaran Technopreneur 2011

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU : Kesediaan kerajaan Kelantan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dalam memberi kerjasama kepada Multimedia Development Corporation(MDeC) untuk membangunkan teknologi maklumat (ICT), menggambarkan Kelantan tidak pernah menolak sebarang pembangunan termasuklah peningkatan penggunaan Teknologi Maklumat bagi kesejahteraan rakyat.

Oleh itu, satu seminar Kesedaran Technopreneur Negeri Kelantan telah diadakan di Dewan Pusat Dagangan Kelantan (KTC) pada 25 Januari lalu. Ianya telah dihadiri oleh penuntut IPT dan usahawan-usahawan Kelantan.

Seminar tersebut diadakan bertujuan untuk memberi penerangan dan maklumat mengenai peluang-peluang dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada usahawan-usahawan dan bakal usahawan dalam bidang ICT dan multimedia.

Walaupun Kelantan kini masih lagi ketinggalan dalam penggunaan ICT terutamanya penguasaan dalam jalur lebar, namun rakyat Kelantan sememangnya telah meningkat pengetahuan



terhadap penggunaan ICT tersebut.

Dengan adanya kesedaran ini, bermakna Kelantan telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada MDeC dalam usaha merangka Pelan Strategik untuk memacu agenda MSC Malaysia dan kini Kelantan agak kehadapan dalam usaha tersebut.

Perkembangan ICT yang begitu cepat ini akan sentiasa dipantau oleh kerajaan agar penggunaannya di Kelantan dapat diselaraskan dengan Dasar Membangun Bersama Islam.





Taklimat Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU : Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah mengadakan taklimat berkaitan pengurusan aset alih kerajaan kepada Pegawai PKINK yang dipertanggungjawab menjaga aset setiap bahagian di PKINK pada 20 Februari lalu bertempat di Makmal Siber PKINK.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk mendedahkan kepada semua Pegawai yang menjaga aset bahagian tentang keperluan Pekeliling Perbendaharaan bilangan 5 tahun 2007 yang berkaitan tatacara pengurusan aset alih kerajaan supaya ianya dilaksana secara teratur, cekap dan berkesan.

Sesi taklimat tersebut telah dirasmikan oleh Pengurus Pengurusan Sumber Manusia, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh.



Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Aset PKINK, En Mohd Rozi Mohd Noor bersama wakil daripada Akarwaris Sdn. Bhd Encik Januar Effendi Alamsyah.

Pengurusan aset amat wajar diberi keutamaan kerana ianya amat penting dalam pengurusan kewangan.



Taklimat Kesihatan Bersama EONCAP Islamic Bank Dan MAKNA



KOTA BHARU : 28 Rabiul Awwal 1432 bersamaan 3 Mac 2011, satu majlis taklimat kesihatan kanser telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Majlis ini ditaja sepenuhnya oleh pihak EONCAP Islamic Bank Cawangan Kota Bharu dan dirancang secara bersama oleh Pemangku Pengurus EONCAP iaitu Tuan Haji Marwan bin Mokhtar. Program ini berlangsung selama tiga jam, bermula dari jam 9.30 pagi sehingga jam 12.30

tengahari.

Majlis bermula dengan taklimat kesedaran kanser oleh Cik Habiba binti Abd Rahman, iaitu speaker pihak Majlis Kanser Negara. Beliau telah menerangkan beberapa langkah berhati-hati yang perlu diambil untuk mengesan kehadiran kanser dalam diri. Seterusnya majlis diteruskan oleh wakil daripada EONCAP ISLAMIC BANK iaitu Ketua Deposit-I dari EONCAP, Puan Norfilia bte Abdul Aziz. Pihak EONCAP

ISLAMIC BANK turut mempromosikan paket tabungan berbentuk takaful ANNISA' dengan kelebihan yang sangat menguntungkan pelanggan.

Di samping itu, pihak EONCAP Islamic Bank juga menyediakan khidmat kesihatan secara percuma yang mendapat sambutan anggota PKINK.





Pemilihan Wakil MBJ Sesi 2011/2012

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU : Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan jayanya mengadakan satu Mesyuarat Agung Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada 30 Januari lalu bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Haji Zainal Ab Rahim. Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Pengurus-pengurus Bahagian dan seluruh anggota PKINK.

Arahan penubuhan MBJ oleh kerajaan telah dikuatkuasa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil 2/1979, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1992 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2002. MBJ di PKINK telah ditubuhkan sejak tahun 1983 dan diaktifkan semula pada tahun 1992 yang kemudiannya digerakkan pada tahun 2002 apabila Pekeliling Perkhidmatan Bil



3/2002 menegaskan beberapa syarat dan pemantauan rapi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, antaranya :

- I) Wajib mesyuarat 4 kali setahun
- II) Minit mesyuarat perlu dihantar ke JPA tidak lewat 2 minggu lepas mesyuarat.

MBJ ditubuhkan bertujuan memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pengurusan dengan pihak pekerja. Dalam melaksanakan tujuan ini, pekerja diberi peluang seluasnya untuk mengemukakan pendapat dan mengambil bahagian aktif

Barisan Kepimpinan MBJ Bagi Sesi 2011/2012

Pengerusi	Encik Ahmad Hilmi Bin Mohd Nawi
Setiausaha	Encik Mohd Rozi Bin Mohd Noor
Ahli-ahli	Encik Ridzuan Bin Sidek Tuan Haji Rasdi Bin Hassan Encik Mohd Ghazali Bin Mahmood Encik Rahmat Bin Hassan Puan Hajjah Noorha Binti Mohd Zain Encik Azmi Mohd Bin Daud Encik Razali Bin Ismail



dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebijakan dan perjalanan organisasi, selagi tidak menyentuh dasar kerajaan dan hal-hal perseorangan dan hal-hal peribadi.



Majlis Persaraan Anggota PKINK

PADA 28 Mac 2011 bertempat di bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, satu majlis sempena persaraan anggota PKINK telah diadakan. Seramai 100 anggota PKINK turut hadir di malis perpisahan tersebut yang turut dihadiri Ketua Eksekutif, Haji Mohd Sabri Abdullah dan Timbalan Ketua Eksekutif, Haji Zainal Abdul Rahim serta Pengurus-Pengurus Bahagian PKINK.

Anggota bersara ialah Puan Hajjah Azizah Daud, Haji Mohamed Ismail, En Mahdi Che Muda dan Hajjah Siti Bidah Harun.

Puan Hajjah Azizah merupakan mantan Pengurus Besar UB Consult Sdn Bhd. Beliau bersara pilihan pada 1 Januari 2011

diusia 56 tahun. Beliau mula dilantik di PKINK pada 1 Julai 1981 sebagai Setiausaha Eksekutif. Sementara Haji Mohamed Ismail, ialah mantan Pengurus Pembangunan Usahawan yang bersara secara pilihan pada 1 Februari 2011 diusia 55 tahun. Beliau mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Pegawai Tadbir pada 1 Februari 1982.

En Mahdi Che Muda juga telah memilih untuk bersara awal di usia 53 tahun pada 1 April 2011. Beliau bertugas sebagai Pembantu Teknik Akitek dan mula dilantik pada 1 April 1981 di PKINK. Mengakhiri khidmatnya di Bahagian Khidmat Teknikal PKINK.

Manakala Hajjah Siti Bidah pula mula berkhidmat dengan PKINK sebagai Operator Talipon pada 1 Januari 1974, dan beliau bersara wajib diusia 58 tahun pada 1 Disember 2010. Pada 1 Mac 1974 dilantik sebagai Pembantu Tadbir Perkeranian dan ditempatkan di Bahagian Pentadbiran. Mengakhiri khidmatnya di Bahagian Kewangan PKINK.





PKINK Adakan Kursus Cuti Dan Tatatertib

KOTA BHARU : 5 Rabiul Akhir 1432 H bersamaan 10 Mac 2011 - Unit Latihan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia PKINK telah mengadakan kursus sehari mengenai 'Cuti dan Tatatertib' untuk anggota PKINK pada 10 Mac lalu. Seramai 50 orang anggota ibu pejabat PKINK telah



menghadiri kursus ini yang dikendalikan oleh En Azi Rahimi bin Mohamed, yang merupakan salah seorang tenaga pengajar di INTAN Wilayah Timur. Kursus ini berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama daripada peserta dengan baik. Malah, setiap sesi dan slot sentiasa wujud persoalan dan juga respon-respon daripada peserta.



Kursus ini penting bagi memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan penjawat awam terutama anggota PKINK mengenai peraturan-peraturan dan pekeliling yang berkaitan dengan cuti dan tatatertib.

Anggota Kumpulan PKINK Hadir Kursus CPR Dan Pertolongan Cemas

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

KOTA BHARU: Seramai 90 anggota Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah melibatkan diri dalam Kursus CPR dan Pertolongan Cemas anjuran Unit Latihan PKINK dengan kerjasama Biro Rekreasi Kelab Sukan Dan Kebajikan PKINK bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10 Bangunan PKINK pada 8 hingga 10 Februari lalu.

Jurucakap penganjur ketika ditemui memberitahu kursus selama tiga hari yang melibatkan anggota PKINK termasuk kumpulan anak syarikat itu bertujuan untuk mengajar mereka memberi pengetahuan kepada anggota mengenai langkah



pertolongan cemas ketika berada di pejabat.


"Semua anggota perlu sentiasa bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya hal kecemasan sama ada melibatkan anggota PKINK atau sesiapa sahaja untuk sepanjang masa.

"Untuk itu pihak kita mengadakan kursus ini agar anggota mempunyai latihan yang mencukupi untuk menangani sebarang kemungkinan berlaku hal kecemasan selepas ini," katanya.



Justeru beliau berharap agar para peserta dapat memanfaatkan sepenuhnya segala ilmu pengetahuan dan latihan yang mereka pelajari menerusi Kursus CPR dan Pertolongan Cemas ini dari masa ke semasa.

Terdahulu latihan serta ceramah dalam Kursus CPR dan Pertolongan Cemas ini telah dikendalikan oleh Jurulatih Kanan Kebangsaan Bulan Sabit Merah Malaysia, Mohd Azlan Muhamad sambil dibantu oleh dua anggota Bulan Sabit Merah Malaysia Cawangan Kelantan.





Sambutan Maulidurrasul

Peringkat Kumpulan PKINK



KOTA BHARU : 14 Februari 2011, bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan telah menganjurkan sambutan Maulidurrasul peringkat Kumpulan PKINK. Sempena sambutan tersebut, PKINK telah menjemput ustaz Mohd Asri Mat Daud, Ketua Jabatan Muamalat dari KIAS.

Ceramah yang disampaikan bertajuk Rasulullah S.A.W. Qudwah Dalam Mendepani Fitnah Manusia. Ustaz Asri dalam syarahannya menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W. adalah contoh terbaik yang sempurna untuk diikuti sepanjang zaman. Untuk menyelamatkan akidah manusia, Nabi Muhammad S.A.W. dilengkapi dengan peribadi yang amat baik. Disebabkan kehebatan akhlak, Nabi Muhammad S.A.W. mula disanjungi oleh masyarakat Mekah sebelum Islam, dan selepas Islam

Nabi Muhammad S.A.W. mula dikenali sebagai pemimpin agung dunia yang memperkenalkan dasar ekonomi Islam, latihan ketenteraan yang teratur dan mula menghantar wakil-wakil diplomatik ke seluruh pelusok dunia.

Di sepanjang zaman, fitnah terhadap Nabi Muhammad S.A.W. dan Islam tidak pernah berakhir. Di dunia yang semakin mencabar, fitnah muda diambil alih oleh media masa, media elektronik, blog, facebook dan tidak ketinggalan juga dengan wanita dan jawatan. Jangan terlalu mudah terpedaya dengan fitnah-fitnah tersebut, hadapi dengan bijaksana, selidik dahulu punca berita tersebut, rujuk al-Quran dan Hadis, mesyuarat dahulu sebelum ambil keputusan, baharulah jawab atau sanggah fitnah tersebut dan yang penting tindakan perlulah dibuat kepada orang yang menyebarkan fitnah tersebut.



Program Kesihatan Untuk Anggota PKINK Diteruskan

DALAM menyediakan kemudahan beriadah yang berterusan kepada anggota Kumpulan PKINK, pihak pengurusan telah menganjurkan satu program kesihatan yang berpusat di bilik gimnasium, tingkat 6, bangunan PKINK. Program tersebut yang dipanggil "The Biggest Loser PKINK" terbuka kepada semua anggota Kumpulan PKINK.

Program dipertandingkan dalam tiga kategori, iaitu peratusan penurunan berat badan, berat badan ideal dan kekerapan kehadiran. Pertandingan ini diasingkan di antara peserta lelaki dan wanita. Untuk tujuan tersebut Perbadanan memperuntukan



sejumlah RM2,500.00 untuk hadiah dan lain-lain intensif sepanjang program yang bermula 1 Februari hingga 30 April 2011.

Sambutan di kalangan anggota agak baik di mana seramai 20 anggota lelaki dan 24 anggota wanita menyertai pertandingan tersebut. Peserta lelaki menggunakan bilik gimnasium pada setiap hari ahad, selasa dan khamis, manakala peserta wanita pada hari Isnin dan Rabu.



Pasukan DUN Kelantan Unggul

KOTA BHARU : 12 Mac 2011 Sekali lagi pasukan DUN Kelantan menundukkan pasukan PKINK dengan jaringan 3-2 dalam perlawanan persahabatan antara pasukan PKINK dan DUN Kelantan. Pasukan



DUN Kelantan mendahului sewal minit kedua hasil dari tendangan lerek di luar kotak penalti. Permainan diteruskan dengan pasukan PKINK di asak bertubi-tubi dan terpaksa bertahan sehingga separuh masa pertama.

Pasukan PKINK bertindak garang



di separuh masa kedua dan mendahului 2 – 1. Selesa dengan jaringan tersebut menyebabkan pemain leka, peluang diambil sebaiknya oleh pemain Pasukan DUN Kelantan, hasil dari gerakan yang cantik dimanfaat sebaiknya pemain barisan hadapan dengan menjaringkan 2 gol diminit-minit akhir, menjadikan kemenangan mutlak milik pasukan DUN Kelantan 3 -2.

Hadiyah kejohanan disampaikan

Haji Mohd Adilan Mat Jusoh, Pengurus Pengurusan Sumber Manusia PKINK.





Kejohanan Kerom Perpisahan

KOTA BHARU: Satu kejohanan kerom sempena persaraan Haji Muhammed Ismail, Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK telah diadakan pada Januari 2011 yang lalu. Kejohanan anjuran Ahli jawatankuasa Kerom KSK PKINK ini disertai 20 orang pemain termasuk Hj Muhammed Ismail sendiri. Kejohanan tersebut diadakan selama satu minggu bermula 16 Januari bertempat di Bilik Rekreasi Sukan Tingkat 6, Bangunan PKINK.



Muhammed Ismail adalah merupakan salah seorang pemain kerom PKINK untuk kejohanan antara Jabatan dan juga kejohanan-kejohanan jemputan. Selain bermain kerom beliau juga merupakan pemain Ping Pong untuk pasukan PKINK.

Kejohanan tersebut diadakan dalam acara beregu dan diadakan secara liga. Tempat pertama kejohanan ialah pasangan Muhammed Ismail dan Azman Hassan dan tempat kedua pasangan Wan Azizan Wan Yacob dan Meriam Omar. Hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif PKINK.

Kejohanan Sukan KSK PKINK

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

AKTIVITI sukan KSK PKINK diteruskan dengan acara Tenis Beregu yang diadakan pada 19 Februari 2011 bertempat di Kompleks Sukan Perdana. Kejohanan tersebut dimenangi oleh pasangan regu Amran Ahmad dan Norzaiadha Mohd Nor manakala tempat kedua pasangan Aziz Mahmud dan Azirin Riffin.

Pada 12 Mac 2011, hari Sabtu kejohanan dart diadakan di Bilik Rekreasi Sukan Tingkat 6, Bangunan PKINK. Kejohanan diadakan dalam acara perseorangan dan beregu bagi kategori lelaki dan wanita. Dalam acara perseorangan kategori lelaki, johan dimenangi Norhisham Mustapha dan naib johan Norzaiadha Mohd Nor, manakala kategori wanita johan ialah Nor Hasliza dan naib johan Nik Norazita. Dalam acara beregu yang diadakan pada waktu petang, johan kategori lelaki ialah Ab. Hafiz dan Tengku Petra, manakala johan kategori wanita ialah Norsaniah dan Hasnah.





Tazkirah...

KEBAJIKAN DAN MAKSIAT TIDAK AKAN BERSATU DALAM HATI

Allah Ta'ala berfirman :

“Sesungguhnya orang-orang Yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa Yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan Yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan Yang tidak akan mengalami kerugian.”
(Surah Fathir : Ayat 29)

Rasulullah Sollallahu ‘Alaihi wa Sallam telah bersabda, maksudnya :

“Bacalah al-Quran kerana ia akan memberi syafaat kepada orang-orang yang membacanya.”

Sorang doktor pakar bedah jantung pernah bercerita melalui pengalaman kisah benarnya. Pada suatu hari tepat pada jam tujuh pagi dia datang ke bilik rawatan. Tiba-tiba ada beberapa orang datang mendekatinya, mereka adalah anak dari salah seorang pesakit yang telah lanjut usia yang baru sahaja menjalani pembedahan jantung. Pesakit tersebut mengalami pembekuan yang parah di otaknya sehingga dia kehilangan kesedarannya sejak menjalani pembedahan tersebut. Aktiviti jantungnya sangat lemah sekali, dan kedua ginjalnya sudah tidak berfungsi.

Mereka mendatangi doktor itu seraya berkata, “Ayah kami sedang menghadapi sakaratul maut, kami harap anda berkenan untuk mentalqininya membaca dua kalimat



syahadat."

Doktor itu pergi bersama mereka, saat itu tekanan jantungnya lemah sekali iaitu sekitar empat puluh, sedangkan detak jantung hanya sekitar tiga puluh lima permintit.

Dia mendekatinya dan berkata kepadanya, "**Ucapakanlah Asyhadu Alla Ilaha Illallah**," tiba-tiba lidah dan tangan kanannya bergerak, dan yang lebih mengejutkan lagi adalah tiba-tiba tekanan darahnya mencapai seratus tiga puluh perlapan puluh dan detak jantungnya mencapai seratus dua puluh permintit.

Doktor itu katakan kepada anaknya, "Seluruh organ tubuh ayat kalian telah bereaksi dengan dua kalimat syahadah, ia boleh merasakan bacaan dua kalimat syahadah tersebut. Saat ini dia sedang menghadapi sakaratul maut, kenapa kalian tidak membacakannya Al-Quran untuknya sampai ruhnya keluar?"

Enam orang anak dari pesakit tersebut saling bergantian membacakan al-Quran selama empat hari tiga malam, hingga akhirnya pesakit tersebut menghadap tuhan-Nya. Selama itu tekanan darahnya bertahan sekitar seratus tiga puluh dan detak jantungnya bertahan di atas seratus detakan permintit.

Doktor bedah itu bertanya kepada mereka mengenai sisi-sisi kehidupan ayahnya sewaktu masih hidup. Mereka mengatakan, "Dia termasuk ahli al-Quran, seluruh ucapananya adalah al-Quran dan zikir, dia selalu mengkhatamkan al-Quran dalam waktu tiga hari atau lima hari, paling lama dia mengkhatamkan al-Quran dalam seminggu."

Sewaktu hidupnya dia banyak menyebut nama-nama Allah, hingga akhirnya **Allah Ta'ala** menutup usianya dengan husnul khatimah. Dia telah menjadikan empat hari terakhir dari usianya untuk mendengar bacaan al-Quran yang mulia. Zikirnya tidak pernah terputus. Alangkah indahnya husnul khatimah itu, saya yakin semua orang muslim pasti mengharapkannya.

Akan tetapi pernahkah terbayang oleh anda jika saja ternyata penutup usia anda adalah mendengarkan musik dan nyanyian? Alangkah buruknya su'u'l khatimah itu, iaitu mereka yang hatinya telah diracuni syaitan sehingga dia tidak mampu mendengarkan kecuali musik dan nyanyian, dan akhirnya itulah penutup usianya.

Doktor yang sama juga menceritakan bahawa dalam satu kejadian yang lain.



Saudaraku, takutlah kepada Allah dan berniatlah untuk meninggalkan musik dan nyanyian agar kita mendapatkan husnul khatimah sebagaimana yang kita saksikan pada kejadian pertama tadi. Jangan sampai anda mendapatkan su'u'l khatimah sebagaimana yang terjadi pada kisah kedua tadi.

Tepatnya selepas subuh di bulan ramadhan tahun 1418 H. Dalam satu perjalanan tersebut di Jalan raya kelihatan sebuah kereta terbalik, dia segera turun dari kereta untuk memberikan bantuan. Di sana dia temukan seorang pemuda yang telah meninggal dunia diiringi dengan suara penyanyi sedang mengalun pada radio keretanya. Dia meninggal dan usianya ditutup dengan iriangan suara musik dan penyanyi yang haram, siapa yang ingin menutup usianya seperti ini?

Saudaraku, ketika anda sedang memasukkan kaset nyanyian ke dalam radio kenderaan anda, atau ketika sedang mencari-cari siaran radio untuk mencari suara penyanyi kegemaran anda, ingatlah bahawa bila-bila masapun anda boleh meninggal. Bahkan ketika anda bersikap sangat hati-hatipun boleh saja orang yang tidak berhati-hati melanggar anda sehingga membawa kepada kematian.

Maka bertanyalah pada dirimu sendiri, "Akhir kehidupan seperti apakah yang anda kehendaki?" Apakah anda ingin menutup usia dengan diiringi oleh bacaan al-Quran dan zikir, atau anda ingin kematian anda diiringi dengan nyanyian dan musik syaitan?"

Saudaraku yang saya cintai, orang yang mendapatkan ujian dan cubaan dengan suka mendengarkan nyanyian dan musik, sudah tentu dia akan menjauh dari

bacaan al-Quran. Kerana cinta kepada bacaan al-Quran tidak pernah bersatu dengan cinta nyanyian syaitan.

Ibnu Qayyim berkata, **Cinta al-Quran dan cinta nyanyian Tidak akan pernah bersatu dalam hati seorang hamba**

Jika anda menyukai musik dan nyanyian pasti anda akan meninggalkan al-Quran dan zikir, inilah musibah yang besar dan kecelakaan yang parah. Allah Ta'ala berfirman :

"dan sesiapa Yang tidak mengindahkan pengajaran (Al-Quran Yang diturunkan oleh Allah) Yang Maha Pemurah, Kami akan adakan baginya Syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu menjadilah Syaitan itu Temannya Yang tidak renggang daripadanya." (Surah al-Zukhruf : ayat 36)

Saudaraku, relakah kita jika syaitan menjadi teman hidup? Jika kita rela, maka sesungguhnya dia akan menunjukkan semua jalan keburukan kepada kita.

Saudaraku, takutlah kepada Allah dan berniatlah untuk meninggalkan musik dan nyanyian agar kita mendapatkan husnul khatimah sebagaimana yang kita saksikan pada kejadian pertama tadi. Jangan sampai anda mendapatkan su'u'l khatimah sebagaimana yang terjadi pada kisah kedua tadi. ☩



Serulah Manusia Bersolat

Seringkali apabila kita mahu keluar membeli-belah, waktunya berdekatan dengan waktu solat. Akhirnya menyebabkan kita terlepas solat berjemaah di masjid atau terlewat menunaikan solat tersebut secara bersendirian di rumah. Kita sering memilih waktu untuk keluar bersiar-siar tanpa melihat terlebih dahulu waktu solat yang sudah hampir. Lalu kita buat-buat tidak tahu, atau sengaja membiarkan waktu itu berlalu.

Bagi remaja yang menonton bola, ada yang keluar ke perlawanan dan perlu memasuki stadium lebih awal. Ia akan menyukarkan proses untuk bersolat apabila berada di dalam stadium. Namun, bagi mereka yang mendirikan solat tidak semuanya sanggup mengajak rakan-rakan mereka untuk turut serta mengerjakan solat. Barangkali mereka berasa malu. Barangkali mereka merasakan ajakan itu hanya membazir atau membuang masa.

Sedangkan Allah SWT sendiri menyuruh

kita mengajak manusia mengerjakan solat. Sebagaimana mafhum dalam satu ayat "Mintalah pertolongan dengan kesabaran dan bersolat". Allah sentiasa menyeru manusia agar bersolat. Tetapi kita yang mengaku muslim dan beragama islam mudah merasa malu untuk bertutur hal-hal berkaitan solat.

Barangkali kita tidak menyedari bahawa pertuturan kita selalunya banyak yang sia-sia. Banyak yang tiada kaitan dengan kebaikan mahupun pahala. Apatah lagi

menyeru orang lain berbuat kebaikan. Kerana ini adalah tabiat manusia biasa yang punya nafsu, apakah lagi syaitan yang sering membuatkan kita lalai dan jauh dari melaksanakan tuntutan beragama.

Saya ingin memberitahu suatu kisah benar. Yang mana terdapat seorang lelaki berumur enam puluh tahun, akan tetapi dia masih giat dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Lalu seseorang bertanya kepadanya apakah rahsia kekuatan



jiwanya sehingga masih berdakwah walaupun sudah mencecah usia 60an.

Dia menjawab, "Saudaraku aku mempunyai satu kisah."

"Kisah apakah itu?" Jawab pemuda itu.

Dia berkata, "Sejak tiga puluh lima tahun yang lalu kami bertiga bersama teman-teman bekerja di bidang galian minyak, saat itu kami sangat meremehkan perkara solat kecuali salah seorang dari kami, dia adalah orang yang paling rajin menjaga solatnya.

Lima belas tahun yang lalu teman yang paling rajin ini meninggal dunia (Semoga Allah merahmatinya), tujuh tahun kemudian aku melihatnya di dalam mimpi, aku bertanya kepadanya, "Apa yang kamu dapatkan?" Dia menjawab "Ternyata kesalahanku lebih banyak daripada kebaikanku."

Aku katakan, "Jadi kamu masuk neraka?"

Dia menjawab, "Tidak."

Aku bertanya, "Kenapa begitu? Padahal kesalahanmu lebih banyak daripada kebaikanmu?"

Dia menjawab, "Apakah kamu masih ingat saat aku mendatangimu saat kamu dan si fulan sedang bermain ping-pong, lalu aku mengajak kamu berdua untuk menunaikan solat. Akan tetapi kamu tidak mau. Kemudian aku berusaha menutup meja ping-pong lalu menarik kamu ke masjid, selanjutnya kita solat berjemaah di sana?"

Aku jawab, "Ya, aku ingat."

Dia berkata, "Demi Allah, aku menemukan kejadian tersebut dalam catatan perbuatanku, dengan kejadian itu kebaikanku menjadi lebih berat (dalam timbangan) daripada kesalahanku sehingga aku dimasukkan ke dalam syurga."

Setelah kejadian itu, pakcik tua itu mulai rajin menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran, giat melakukannya demi mengharap rahmat **Allah Ta'ala** agar dia berkenan

mempertemukan dirinya dan temannya tersebut di syurga yang indah."

Saudaraku, betapa banyak ucapan yang boleh menghantar seseorang ke dalam syurga, dan di sisi lain banyak ucapan yang dapat menghantarkan seseorang ke dalam neraka Jahannam. Saudaraku, apakah kita telah melakukan amar makruf dan nahi mungkar (menyeru kepada kebaikan dan melarang dari kejahatan)?

Kenapa kita tidak mencontohi rasul kita Nabi Muhammad **Sollallahu 'Alaihi wa Sallam** dengan segala kepahitan yang dia dapatkan dalam menyebarkan agama ini, kenapa kita tidak meniru para salafus soleh dalam melakukan amar makruf nahi mungkar?

Di manakah peranan kita dalam melakukan kewajiban ini? Mereka telah mengorbankan jiwanya untuk agama ini, menghabiskan masanya untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah dari kemungkaran?

Dalam kisah ini memperlihatkan sebuah tauladan yang sangat baik. Ia menzahirkan sifat-sifat mahmudah yang perlu dipakai dalam jiwa seorang pendakwah. Jika seorang muslim memiliki sifat agung ini pasti dakwahnya akan berhasil. Antaranya ialah sifat kesabaran.

Saudaraku, sudahkah kita menyeru kepada kebaikan? Sudahkah kita mencegah dari kemungkaran? Kemudian kita bersabar atas risiko yang ditimbulkan, sebagaimana bersabarnya Rasulullah Sollallahu 'Alaihi wa Sallam, para sahabat dan para salafus soleh?

Sebuah pertanyaan meunggu jawapan jujur dari hati kita masing-masing.

Saudaraku, tidakkah kamu mahu termasuk golongan umat yang terbaik diutuskan kepada manusia?

"kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)." (Surah Ali 'Imran : Ayat 110)

Allah berada di balik setiap kehendak dan Dia-lah yang memberikan petunjuk kepada jalan kebenaran.



**"Demi Allah,
aku menemukan
kejadian tersebut
dalam catatan
perbuatanku,
dengan kejadian
itu kebaikanku
menjadi lebih berat
(dalam timbangan)
daripada
kesalahanku
sehingga aku
dimasukkan ke
dalam syurga."**

MEDAN IKAN BAKAR KEDAI BULOH

KINI DIBUKA!



**mari pakat
make sini!**

Medan Ikan Bakar,
Kg Siti Mani, Jalan Kuala Besar,
Kedai Buluh, 15350 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim.

